

PERANAN AKUJANJI DALAM PERKHIDMATAN AWAM BERINTEGRITI

oleh

Hajah Khuzaimah Sulaiman
Pesara Pengetua Cemerlang Gred JUSA C
Bekas Senior Consultant Institut Aminuddin Bakri
Penerima Anugerah Tokoh Guru Negeri Sembilan 2014
Penerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2017
Penceramah Integriti IIM 2007 - sekarang

JKR 28 OGOS 2017 CREaTE SIMPANG AMPAT

INTEGRITI
The Integrity Institute



APA YANG MEMBEZAKAN SEBUAH NEGARA HEBAT?

USIA NEGARA ?

- Mesir berusia lebih 2000 tahun tetapi masih mundur
- Kanada, Australia dan NZ berusia 150 tahun tetapi jauh lebih makmur

KEKAYAAN SUMBER ASLI ?

- Jepun memiliki hanya 20% keluasan tanah yg boleh diguna pakai tetapi adalah kuasa ekonomi
- Switzerland tiada tanaman koko tetapi hasilkan coklat terbaik dunia!

INTEGRITI
The Integrity Institute

APA YANG MEMBEZAKAN SEBUAH NEGARA HEBAT?

MINDA dan SIKAP rakyatnya yang mengamalkan kan...

- Nilai murni dan etika sebagai prinsip asas
- Sikap berintegriti
- Bertanggungjawab
- Menghormati peraturan dan undang-undang
- Menghormati hak orang lain
- Gemar dan gigil bekerja
- Berhemah dan bijak melabur
- Keinginan melaksanakan sesuatu yang hebat
- Ketepatan masa

DI NEGARA MISKIN...

- Hanya segelintir rakyat mengamalkan nilai-nilai di atas
- Mereka menjadi miskin kerana mengamalkan sikap yang salah dan tiada keinginan untuk berjaya!

INTEGRITI
The Integrity Institute

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 17 TAHUN 2001, MUKA SURAT 2

"Kerajaan telah memutuskan supaya setiap pegawai awam **dijajikan** menandatangani Surat Aku Janji. Tujuannya ialah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan mereka akan betapa pentingnya melaksanakan tugas dengan setia, jujur, bertanggungjawab, dedikasi dan profesional. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan melahirkan anggota Perkhidmatan Awam yang cekap dan berwibawa supaya Malaysia terus maju dalam suasana yang aman dan harmoni."

INTEGRITI
The Integrity Institute

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

Kegagalan Memberi dan Mematuhi Aku Janji

Seseorang pegawai yang gagal memberi atau mematuhi Aku Janji sebagaimana yang diperuntukkan dalam perintah am 23A, Perintah-Perintah Am Bab A (Lantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973, setelah dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkusa Tatatertib yang berkenaan atau Ketua Jabatannya, melakukan suatu pelanggaran tatatertib dia boleh dikenakan tindakan tatatertib menurut Peraturan-Peraturan ini.

INTEGRITI
The Integrity Institute

AKUJANJI PENJAWAT AWAM

1. Akan sentiasa taat setia kepada Yang Di Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan	6. Tidak akan menggunakan kedudukan sebagai pegawai awam bagi faedah diri sendiri
2. Akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab	7. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburuk dan mencemarkan nama Perkhidmatan Awam
3. Tidak membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi	8. Tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan sendiri atau pegawai lain berhubung dengan Perkhidmatan Awam
4. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam	9. Tidak ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah
5. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa pegawai telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjelaskan kegunaannya sebagai pegawai awam	<i>NOTA: Pelanggaran Akujanji merupakan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Keluakan dan Tatatertib 1993)</i>

INTEGRITI
INSTITUTE OF INTEGRITY MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

CONTOH-CONTOH KEMUNGKIRAN AKUJANJI

INTEGRITI
INSTITUTE OF INTEGRITY MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

AKUJANJI

1. Akan Sentiasa Taat Setia Kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan.

CONTOH KEMUNGKIRAN AKUJANJI

- Bersubahat dengan musuh negara.
- Membocorkan rahsia Kerajaan.
- Memburuk serta memperkecil dasar dan tindakan Kerajaan.
- Menganggotai pertubuhan yang mengancam keselamatan negara (anasir subversif).

INTEGRITI
INSTITUTE OF INTEGRITY MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

AKUJANJI

2. Akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab.

CONTOH KEMUNGKIRAN AKUJANJI

- Mengemukakan tuntutan perjalanan palsu.
- Menipu MC / Menipu kad perakam waktu.
- Membuat pembayaran sedangkan kerja/projek/bekalan belum selesai/diterima.
- Menggunakan wang tabung amanah untuk kegunaan sendiri.

INTEGRITI
INSTITUTE OF INTEGRITY MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

AKUJANJI

3. Tidak membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi.

CONTOH KEMUNGKIRAN AKUJANJI

- Menguruskan perniagaan/ pelaburan sendiri/ isteri/ anak/saudara-mara dalam waktu pejabat/ tugas rasmi.
- Menyebelahi/ memberi keutamaan kepada saudara-mara/ rakan-rakan dalam menimbangkan sesuatu permohonan.
- Membuat sesuatu keputusan yang memihak kepada kepentingan diri sendiri.

INTEGRITI
INSTITUTE OF INTEGRITY MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

AKUJANJI

4. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam.

CONTOH KEMUNGKIRAN AKUJANJI

- Menguruskan tender/sebutharga sedangkan pegawai mengetahui ada di antara mereka yang mengemukakan tender/sebutharga terdiri daripada saudara-maranya.
- Mempunyai hubungan dengan pihak yang ada hubungan rasmi dengan tugas.

INTEGRITI
INSTITUTE OF INTEGRITY MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity